

## Kata Alu-aluan



Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Pertamanya, sekalung tahniah saya ucapan kepada pihak InQKA kerana telah berjaya merealisasikan penghasilan Garis Panduan Kumpulan Inovatif dan Kreatif Horizon Baharu UiTM 4.0 (KIK HB UiTM 4.0). Segala usaha ini adalah berkat perkenan Allah SWT yang telah mempermudahkan hasrat UiTM untuk sentiasa memberi yang terbaik dalam apa jua yang dihasilkan, terutamanya yang berkaitan dengan pembudayaan inovasi dan kreativiti.

Berdasarkan amanat Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sempena membangun Malaysia "Madani", beliau menekankan tentang kepentingan aspek pengurusan dan tatakelola yang teratur. Hasrat ini telah dimanifestasikan oleh UiTM melalui Garis Panduan KIK HB UiTM 4.0. Panduan inklusif yang dihasilkan ini bakal menjadi wadah dalam melahirkan warga UiTM yang bersifat dinamik dan menyokong usaha kerajaan bagi memupuk aspek penambahbaikan berterusan demi mencapai aspirasi universiti sebagai "*Globally Renowned and Locally Rooted*"

Untuk membawa UiTM ke arah menjadi sebuah universiti yang "Gah di Mata Dunia", kita harus mulakannya dengan menyemarakkan prinsip daya cipta. Justeru, mempunyai kebolehan pemikiran kritis dan kreatif perlu menjadi asas yang kukuh bagi melestarikan agenda Universiti. Pastinya, hanya dengan penglibatan dan tadbir urus yang holistik akan dapat membantu kita ke arah menjadi "*Globally Respected*".

Semoga, Garis Panduan ini berupaya menjadi titik tolak dalam meningkatkan pemahaman warga terhadap aktiviti KIK. Diharapkan, semua staf UiTM, sama ada staf akademik maupun staf pentadbiran, menggunakan Garis Panduan KIK HB UiTM 4.0 untuk menghasilkan lebih banyak penginovasian yang bukan sahaja dapat dimanfaatkan oleh Universiti, malah buat masyarakat seluruhnya.

**Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, FASc**  
Naib Canselor UiTM